

Malaysia, Thailand laksana kajian HSR Kuala Lumpur-Bangkok

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Februari 26, 2022 @ 1:39pm
mohd_iskandar@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Malaysia dan Thailand akan mengadakan kajian kebolehlaksanaan pembinaan perkhidmatan kereta api berkelajuan tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Bangkok.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata perkara itu dipersetujui rakan sejawatnya, Prayuth Chan o-cha dalam pertemuan di Rumah Kerajaan di Bangkok, semalam.

"Kami berbincang mengenai keperluan masa akan datang untuk membina kereta api laju dari Kuala Lumpur ke Bangkok.

"Dalam hal ini, Malaysia dan Thailand bersetuju akan mengadakan kajian kebolehlaksanaan dan kita akan meminta kementerian serta jabatan yang berkaitan untuk mengambil tindakan segera," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Bangkok yang disiarkan secara langsung di RTM dan Facebook, hari ini.

Ismail Sabri berkata, beliau dan Prayuth turut berbincang mengenai projek kesalinghubungan Malaysia-Thailand iaitu pembinaan Jajaran Jalan Menghubungkan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam dan Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ) Sadao.

Katanya, kedua-dua negara bersetuju supaya kumpulan kerja pakar serta jawatankuasa teknikal menyegerakan rundingan mengenai jajaran terbabit.

"Kami juga bersetuju untuk menyambung rundingan berkaitan pelaksanaan dua projek jambatan persahabatan merentasi Sungai Golok di Kelantan, iaitu Jambatan kedua Rantau Panjang-Sungai Golok dan Jambatan Baharu Pengkalan Kubor-Tak Bai," katanya.

Perdana Menteri tiba di Thailand kelmarin untuk lawatan rasmi tiga hari bagi mempertingkatkan lagi kerjasama dua hala dan pergerakan rakyat di kedua-dua negara.

Lawatan julung kali Ismail Sabri ke Bangkok sebagai Perdana Menteri itu adalah atas jemputan Prayuth.

Ia adalah sebahagian lawatan pengenalan ke negara Asia Tenggara sejak beliau dilantik sebagai Perdana Menteri pada Ogos 2021.